

06 OCT 2003

Mahathir-Kejayaan

KITA MAHU LEBIH BANYAK LAGI SEBAGAI SEBUAH NEGARA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mahu mengukir lebih banyak kejayaan bagi dirinya selain daripada apa yang telah dicapai, dan adalah menjadi tanggungjawab timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk mencapainya apabila beliau mengambil alih pucuk pemerintahan negara.

Perdana Menteri berkata negara makmur dan rakyat hidup sejahtera, dan tidak seperti sebelum ini, Malaysia kini agak terkenal di peringkat antarabangsa.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada kakitangan awam atas sumbangan mereka dalam melaksanakan semua dasar dan perancangan kerajaan untuk membangunkan negara dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

"Sebenarnya, kita hendak banyak lagi tapi ini tanggungjawab Pak Lah (selepas ini)," kata Dr Mahathir pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, yang terakhir dihadiri Perdana Menteri berikutan keputusannya untuk bersara hujung bulan ini.

Beliau berkata sesuatu dasar, rancangan atau projek kerajaan itu tidak bermakna sehinggalah ia dilaksanakan dengan jayanya oleh sebuah kerajaan yang cekap dengan mendapat sokongan semua kakitangan kerajaan.

"Sokongan terhadap dasar dan projek kerajaan sehingga semuanya berjaya dilaksanakan selama ini amat dihargai oleh kerajaan dan saya sendiri," katanya.

Walaupun gaji adalah penting, beliau berkata kakitangan kerajaan perlu memupuk sikap bahawa apa yang lebih penting ialah kepuasan melihat hasil daripada kerja keras mereka.

Menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai apa yang dapat mendorong kakitangan kerajaan Malaysia, beliau berkata: "Kita kerja sebab kita sayangkan negara kita. Kita tak kira sangat berapa minit atau berapa jam kerja lebih masa tapi kita puas hati melihat hasilnya."

Namun, Dr Mahathir berkata adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat kakitangan awam menikmati gaji yang lebih baik tetapi mereka perlu bersabar kerana perkara itu perlu ditangani dengan bijak.

"Kita kena urus kewangan kita dengan baik. Tak bolehlah naik banyak sangat. Bersabarlah, (gaji) akan naik Insyaallah. Tapi apa yang lebih penting ialah sumbangan kita kepada negara supaya negara kita makmur," katanya.

Dr Mahathir turut berkongsi "rahsia" beliau dalam memperkenalkan Malaysia di pentas dunia.

"Kalau baik sangat, orang tak kenal kita. Jadi kita perlu jahat sikit untuk diiktiraf," katanya sambil disambut ketawa daripada mereka yang hadir, termasuk Abdullah, menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri dan pegawai kanan kerajaan lain.

Sepanjang kerjayanya, Dr Mahathir begitu dikagumi atas kelantangannya sehingga beliau dan Malaysia dilihat sebagai pemimpin negara-negara miskin dan membangun.

Menceritakan satu lagi strategi beliau untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia, beliau berkata: "Kalau kita pendek, orang tak kenal kita. Jadi kenalah kita berdiri atas tong. Sekarang mereka boleh lihat Menara Kembar Petronas kita (yang merupakan antara bangunan tertinggi di dunia). Jadi, sekarang, kita agak terkenal."

Dr Mahathir berkata strategi berkenaan nyata berhasil dan ini terbukti dengan jumlah pelawat yang terus meningkat ke negara ini.

-- BERNAMA  
MAM MAM RHM